

Bahagian VII
PENGGULUNGAN PERBADANAN

25. (1) Raja dalam Mesyuarat boleh dengan perintah dalam Warta mengarahkan supaya Perbadanan digulung dan dibubarkan.
- (2) Apa-apa kelebihan daripada penggulungan Perbadanan itu hendaklah dibayar ke dalam Kumpulanwang Negeri Yang Disatukan dan apa-apa kekurangan hendaklah dibayar daripada wang-wang yang diperuntukan oleh Dewan Negeri.
- (3) Penggulungan Perbadanan hendaklah dijalankan dengan cara yang ditetapkan oleh Raja dalam Mesyuarat.
- (4) Walauapapun yang terkandung dalam Enakmen ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, dari tarikh penyiaran perintah di bawah seksyen-kecil (1) apa-apa hak atau keistimewaan mana-mana ahli, pegawai atau pejawat Perbadanan atau ahli Perpustakaan Awam hendaklah disifatkan sebagai ditamatkan dengan sah.

Diluluskan pada 22hb. September, 1977
[P.S.U.K.PK.30193 Jld.2]

(MUSTAFFA BIN HUSSIN)
Setiausaha
Dewan Perhimpunan Undangan Negeri
Perak